



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Intellectual Property Corporation of Malaysia

<http://www.myipo.gov.my>

No. Fail : MyIPO/T-248/11

MyIPO, sebuah badan yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan pengurusan Harta Intelek di Malaysia mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN KOSONG

Jawatan	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)
----------------	---

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Gred : N 17
Gaji : RM820.38 – RM2,397.95

Syarat Lantikan

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan warganegara Malaysia;
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(keutamaan diberikan kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer);
atau
- iv) Diploma Kesetiausahaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- v) Kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (termasuk LULUS ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)
----------------	-----------------------------------

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Gred : W 17
Gaji : RM821.89 – RM2,399.46

Syarat Lantikan

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan warganegara Malaysia;

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; dan
- iv) Kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (termasuk LULUS ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan	PEMBANTU AM RENDAH
----------------	---------------------------

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Gred : N 1
Gaji : RM649.15 – RM1661.82

Syarat Lantikan

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan warganegara Malaysia;
- iii) Berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- iv) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

1. TARAF JAWATAN

KONTRAK

Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan warganegara Malaysia

2. CARA MEMOHON

- a. Borang permohonan juga boleh didapati dari laman web MyIPO. (<http://www.myipo.gov.my>)
- b. Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat pemohon.
- c. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :
**Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Aras 32, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur
(u.p. : Unit Sumber Manusia)**
- d. Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.

3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

14 Mei 2008

4. PENTING

- i) Borang permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
- ii) Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- iii) Sila sertakan salinan kad pengenalan, salinan sijil persekolahan, salinan keputusan peperiksaan dan sijil-sijil yang berkaitan dan telah disahkan.

5. CATATAN AM

- i) Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang boleh mengendalikan komputer.
- ii) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temuduga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon.
- iv) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.